

LANG HITAM
Black Kite

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Milvus migrans*

CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, ia mempunyai keseluruhan badan berwarna coklat pudar dan ekor yang panjang. Bahagian kepala, atas sayap dan bawah badan terdapat jalur-jalur berwarna gelap manakala bahagian ekor mempunyai jalur-jalur yang rapat berwarna gelap. Bahagian kaki spesies ini berwarna kuning. Semasa terbang, sayap adalah bersudut dan atas sayap berwarna kehitaman.

SAIZ

Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 55-60 sm.

MAKANAN

Spesies ini memakan haiwan-haiwan kecil.

HABITAT

Kawasan pinggir hutan, kawasan terbuka dan kawasan sungai besar. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,525 m dari aras laut.

BUNYI

Bunyi yang bernada tinggi *pee-errrr* atau *ewe-wirrrrr.....*

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi burung ini adalah dari bulan Oktober-Februari pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk struktur besar yang tidak kemas dan ketinggian sarang adalah dari 7-14 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna hijau pudar ke putih-kekelabuan dengan terdapat bintik-bintik kehitaman atau coklat-kemerahan. Anggaran saiz telur adalah 52.7 x 42.7 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.